KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 603-8000 8000
Web : www.moh.gov.my

Ruj Kami : KKM.S.500-2/61/125 JLD.2 (4)
Tarikh : 09 Julai 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PENGAJAR GRED U12 KE GRED U13 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan **Pengajar Gred U12 Ke Gred U13**. Sehubungan itu, Bahagian Sumber Manusia (BSM) KKM mempelawa mana-mana pegawai yang layak dan diperaku oleh Ketua Jabatan untuk memohon tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) Naik Pangkat ke Gred **U12** pada **tahun 2025 dan sebelum**;
(b) Mencapai tahap prestasi yang telah ditetapkan (Markah Prestasi Tahunan) **minimum 85%** dan ke atas bagi 3 tahun terkini; dan
(c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan

3. Sehubungan dengan ini, **Ketua Jabatan** adalah dipohon **mengemukakan maklumat kepegawaian dan perakuan** dengan menggunakan **Borang NP(P) 8.2 Pindaan 2018** (*contoh dikembarkan*) beserta dokumen-dokumen yang lengkap seperti di bawah :-

3.1 **Salinan Markah Prestasi Tahun 2023, 2024 dan 2025** yang disahkan ; ***(Bagi pemohon yang bercuti belajar di dalam tahun berkenaan, sila kemukakan Markah Prestasi Tahunan sama ada sebelum atau selepas tamat cuti belajar)***
3.2 Borang Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Format T1);

CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659
CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

3.3 Lembaran Kelakuan yang menyatakan sama ada tindakan tatatertib pernah atau sedang diambil ke atas pemohon;

3.4 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/ Tabung Pendidikan (Format PP-1); dan

3.5 Satu (1) salinan **Kenyataan Perkhidmatan** dan **Pengisytiharan Harta** yang telah dikemas kini.

4. Mohon kerjasama kesemua pegawai yang memohon dalam urusan pemangkuan ini untuk mengisi dan menandatangani persetujuan dalam Borang Aku Janji Setuju Terima Penempatan Gred Kenaikan Pangkat seperti di **Lampiran I**.

5. Kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan dipohon untuk memaklumkan iklan pemangkuan ini kepada pegawai-pegawai yang layak termasuk calon-calon **yang berada di bawah Jawatan Simpanan Latihan yang sedang belajar di dalam dan di luar negara** dalam tempoh yang ditetapkan. Ketua Jabatan juga adalah dipohon untuk memastikan maklumat dalam dokumen-dokumen yang diperlukan **adalah tepat dan betul** khususnya maklumat-maklumat Cuti Tanpa Gaji (CTG) sekiranya ada, Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan juga markah LNPT bagi 3 tahun terkini.

6. Dokumen-dokumen yang telah lengkap ini hendaklah **disahkan oleh Ketua Jabatan** dan dikemukakan **sebelum atau pada 11 Ogos 2026** menggunakan format senarai semak seperti di **Lampiran 'B'** ke alamat seperti berikut:-

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Profesional)
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
(u.p. : Encik Mohd Syukri bin Sardangi)

7. Sekiranya perakuan ini lewat diterima atau tidak lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana dinyatakan di Para 3 di atas, pegawai dianggap tidak berminat untuk dipertimbangkan dalam cadangan urusan pemangkuan ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pegawai yang **tidak berminat/ telah meletakkan jawatan/ bertukar tetap** ke institusi-institusi pengajian/ Agensi Kerajaan ataupun **bersara pilihan/ wajib** dari Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah dipohon **memaklumkan kedudukan pegawai tersebut secara rasmi**

dengan mengemukakan sesalinan surat makluman yang berkenaan kepada Unit Naik Pangkat (Profesional), Bahagian Sumber Manusia (BSM), KKM.

8. Iklan pemangkuan ini juga boleh diakses di laman sesawang KKM www.moh.gov.my di bawah pautan Warga KKM/ Kemajuan Kerjaya/ Iklan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pegawai yang boleh dihubungi adalah **Encik Mohd Syukri bin Sardangi** di talian **03-88833833** dan **Puan Nurul Izza Binti Mohamad** di talian **03-88833165**.

9. Kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI "

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(IZAMALINA BINTI YAACOB)
Bahagian Sumber Manusia
b.p. : Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Latihan
   Kementerian Kesihatan Malaysia

2. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Latihan
   (Unit Jawatan Simpanan Latihan)
   Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan
   Unit Sumber Manusia
   Kementerian Kesihatan Malaysia

4. ILKKM Batu Pahat, **Johor**

5. ILKKM Kangar, **Perlis**

6. ILKKM Tawau, **Sabah**

7. ILKKM Alor Setar (Kejururawatan), **Kedah**

8. ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan), **Negeri Sembilan**

9. ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan), **Kelantan**

10. ILKKM Bertam (Kejururawatan), **Pulau Pinang**

11. ILKKM Sandakan (Kejururawatan), **Sabah**

12. ILKKM Sibu (Kejururawatan), **Sarawak**

13. ILKKM Kota Sentosa (Kesihatan Awam), **Sarawak**

14. ILKKM Georgetown (Pergigian), **Pulau Pinang**

15. ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan), **Kedah**

16. ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan), **Negeri Sembilan**

17. ILKKM Johor Bahru, **Johor**

18. ILKKM Kota Kinabalu, **Sabah**

19. ILKKM Kuching, **Sarawak**

20. ILKKM Sultan Azlan Shah, **Perak**

21. ILKKM Sungai Buloh, **Selangor**

22. ILKKM (Teknologi Makmal Perubatan) **WP Kuala Lumpur**

23. Institut Latihan Angkatan Tentera (INSAN) **Melaka**